

Bakar karikatur PM cerminan demokrasi tidak matang

BERITA HARIAN 02 JUL 2025

mls: 13

Demokrasi adalah sistem pemerintahan membuka ruang kebebasan bersuara dan hak berhimpun kepada rakyat. Namun demikian, medium ini sering disalahgunakan dengan tindakan ekstrem pihak tertentu meluahkan rasa tidak puas hati seperti membakar karikatur pemimpin negara baru-baru ini.

Tindakan itu mencerminkan ketidaksi-asaan sesetengah kelompok untuk mengamalkan demokrasi secara matang. Ini berkaitan insiden berlaku ketika demonstrasi Gempur Rasuah Sabah 2.0, yang mana sekumpulan mahasiswa membakar karikatur Perdana

Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, sebagai bentuk protes terhadap isu rasuah.

Hak kebebasan bersuara tetap tertakluk kepada prinsip moral, etika dan undang-undang. Tindakan ekstrem membakar karikatur pemimpin negara pada himpunan itu bukan sahaja menyimpang daripada nilai adab dalam wacana demokrasi, malah menunjukkan kemunduran dalam budaya politik.

Tindakan membakar karikatur pemimpin negara, meskipun dalam konteks simbolik, menunjukkan ketidakmatangan demokrasi dalam kalangan segelintir mahasiswa.

Demokrasi bukan hanya menyentuh soal kebebasan menyuarakan pandangan, tetapi turut menuntut amalan nilai peradaban seperti hormat-menghormati, dialog dan hujah rasional.

Maka, aksi ekstrem seperti ini mencemarkan

imej perjuangan sebenar terhadap isu rasuah ingin diketengahkan. Insiden membakar karikatur pemimpin negara akan memberi pelbagai implikasi antaranya ialah polarisasi politik.

Sempitkan ruang demokrasi

Tindakan itu membawa lebih banyak perpecahan dalam kalangan rakyat dan mewujudkan polarisasi antara penyokong kerajaan dan pembangkang.

Kedua, menyempitkan ruang demokrasi. Kera-

“Demokrasi bukan hanya menyentuh soal kebebasan menyuarakan pandangan, tetapi turut menuntut amalan nilai peradaban seperti hormat-menghormati, dialog dan hujah rasional”

jaan mungkin mengambil langkah penguatkuasaan lebih ketat terhadap perhimpunan awam selepas ini dengan alasan keselamatan.

Maka, ia akan menjejaskan kebebasan berhimpun secara aman. Ketiga, persepsi negatif terhadap mahasiswa. Mahasiswa yang sepatutnya menjadi agen perubahan dengan pendekatan intelektual kini dilihat sebagai individu tidak matang disebabkan tingkah laku ekstrem dan kurang adab.

Walaupun Perkara 10(1)(a) dan (b) Perlembagaan menjamin hak untuk bersuara dan berhimpun, hak ini bukan mutlak. Ia tertakluk kepada setakat demi ketenteraman awam dan moral.

Dalam hal ini, membakar karikatur Perdana Menteri berpotensi disiasat mengikut Akta Hasutan 1948 atau Kanun Keseksaan kerana dianggap sebagai perbuatan menghasut atau menghina institusi demokrasi.

Budaya demokrasi di Malaysia perlu diperkukuhkan dengan pendidikan sivik dan kesedaran politik mendalam. Mahasiswa harus diberi ruang untuk bersuara, namun pendekatan digunakan mestilah berasaskan rasional, hujah dan nilai kemanusiaan.

Universiti dan badan bukan kerajaan (NGO) wajar memainkan peranan penting membentuk generasi muda supaya mereka memahami batas etika dalam berpolitik. Kebebasan tanpa tanggungjawab hanya menjurus kepada anarki dan keruntuhan nilai demokrasi itu sendiri.

Muhammad Danish Rifqi Lukman, Pembantu Penyelidik Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Perlis